

onsemi™

POWERED BY
OUR VALUES

*Tatakelakuan
Perniagaan*



Mendorong kejayaan teknologi
**yang memenuhi janji masa
depan yang lestari.**



[Kembali ke Indeks](#)



onsemi™

Intelligent Technology. Better Future.

[Kembali ke Indeks](#)

iii NILAI-NILAI TERAS

PENGENALAN

- 2 Nilai-nilai Teras
 - 2 Integriti
 - 2 Rasa Hormat
 - 2 Inisiatif
- 3 Tujuan Tatakelakuan Perniagaan Kita
- 3 Tanggungjawab dan Kebertanggungjawaban
- 4 Tanggungjawab Tambahan Pengurus dan Penyelia
- 4 Audit, Penyiasatan dan Tindakan Disiplin

CARA MENDAPATKAN BANTUAN

- 6 Mendapatkan Bimbingan
- 7 Melaporkan Kebimbangan
- 7 Tiada Tindakan Balas Dendam

PEMEGANG SAHAM

- 10 Melindungi Aset-aset **onsemi**
- 11 Maklumat Sulit dan Proprietari
- 12 Privasi
- 12 Media Sosial dan Penggunaan Internet
- 14 Maklumat Dalaman dan Dagangan Sekuriti
- 15 Ketepatan Rekod Syarikat
- 15 Memberikan Maklumat Kewangan
- 15 Tanggungjawab Sosial
- 16 Merekodkan dan Mengekalkan Komunikasi Perniagaan

PEKERJA DAN PENGARAH

- 18 Rasa Hormat Berterusan
- 18 Mengelakkan Gangguan
- 19 Keselamatan dan Kesihatan

PELANGGAN DAN PENGGUNA

- 21 Kualiti dan Keselamatan Produk
- 22 Jualan dan Pemasaran
- 22 Maklumat Sulit Pelanggan
- 22 Pelanggan Kerajaan

RAKAN NIAGA

- 24 Membuat Urusan Perniagaan Dengan Pihak Lain
 - 24 Ejen dan Jururunding
 - 24 Subkontraktor
 - 24 Usahasama dan Pakatan
- 25 Amalan Pembelian
- 25 Maklumat Sulit Rakan Niaga

PESAING

- 27 Maklumat Saingan
- 28 Persaingan Adil dan Antitrust

KOMUNITI

- 30 Khidmat Masyarakat
- 30 Aktiviti Komuniti Peribadi
- 30 Aktiviti Politik **onsemi**
- 31 Alam Sekitar
- 32 Berkomunikasi dengan Audiens Luaran

KERAJAAN

- 34 Undang-undang Antirasuah
- 35 Merentas Sempadan Negara
- 36 Sekatan Ekonomi dan Boikot
- 36 Pengubahan Wang Haram

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

- 38 Panduan Umum
- 38 Pekerjaan Luaran
- 39 Keanggotaan Lembaga Pengarah
- 39 Ahli Keluarga dan Perhubungan Peribadi Rapat
- 40 Pinjaman Kepada Pekerja dan Pengarah
- 40 Pelaburan
- 40 Peluang Korporat
- 41 Hadiah dan Hiburan
 - 41 Hadiah dan Hiburan Yang Diterima Oleh Pekerja dan Pengarah **onsemi**
 - 42 Hadiah dan Hiburan Yang Diberikan Oleh Atau Disediakan Oleh **onsemi**
- 43 Perjalanan
 - 43 Penerimaan Perbelanjaan Perjalanan
 - 43 Menyediakan Perjalanan
- 43 Pelepasan Tatakelakuan Perniagaan
- 43 Interpretasi

ADENDUM

- 46 Kod Akses AT&T untuk Negara dan Rantau yang Terpilih

onsemi™

Slogan

Intelligent Technology. Better Future.

Visi

Mendorong kejayaan teknologi yang memenuhi janji masa depan yang lestari.

Misi

Kita akan mendorong inovasi untuk mencipta teknologi kuasa dan penderiaan pintar yang dapat menyelesaikan masalah pelanggan yang paling mencabar. Kakitangan kita diinspirasi setiap hari untuk meningkatkan nilai pihak berkepentingan melalui produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi dan bernilai tinggi.



PENGENALAN

PENGENALAN

Nilai-nilai Teras

Nilai-nilai teras kita mentakrifkan identiti kita sebagai individu dan sebagai wakil **onsemi**. Kita merupakan sebuah Syarikat berasaskan prestasi yang komited terhadap pertumbuhan menguntungkan, hasil operasi kelas dunia, kualiti tanda aras dan menyampaikan nilai pelanggan dan pemegang saham yang hebat. Dengan mempraktikkan nilai teras kita iaitu integriti, rasa hormat dan inisiatif, kita semua memainkan peranan dalam menjadikan syarikat kita tempat yang hebat untuk bekerja.

Integriti

Kita maksudkan apa yang kita cakap, kita cakap apa yang kita maksudkan. Syarikat kita menetapkan standard tinggi untuk produk dan tatalaku individu kita. Reputasi kita bergantung kepada standard tertinggi tingkah laku beretika. Kita bertanggungjawab untuk menyampaikan iltizam kita tepat pada masanya dengan kualiti tertinggi. Kita menangani isu-isu secara objektif, menggunakan fakta dan maklum balas membina dalam persekitaran yang kita tidak takut perbincangan terbuka atau pertanyaan. Apabila keputusan telah dibuat, kita berusaha untuk menyokongnya. Kita mematuhi semua keperluan undang-undang dan memastikan diri kita berpegang pada standard kelakuan beretika yang tertinggi.

Rasa Hormat

Kita melayan satu sama lain secara bermaruah dan hormat. Kita berkongsi maklumat dan menggalakkan pandangan berbeza dalam persekitaran terbuka dan jujur. Kita memanfaatkan yang terbaik pada diri masing-masing dengan mengiktiraf kepelbagaian latar belakang dan pengalaman sebagai kekuatan utama. Kita semua menang apabila kita menyokong satu sama lain.

Inisiatif

Kita menghargai orang yang menunjukkan sikap positif dan “keyakinan tinggi”, di samping bekerjasama untuk berjaya. Kita bekerja secara pintar, dengan rasa mahu bertindak pantas, sambil sentiasa mengekalkan iltizam kita untuk mematuhi undang-undang, peraturan dan standard yang diguna pakai. Sekiranya wujud masalah, kita melihatnya melalui penyelesaian pantas sementara bertindak dengan cara yang beretika. Kita semua diminta untuk menunjukkan nilai-nilai teras ini dalam peranan kita di **onsemi**. Nilai-nilai ini tertakluk secara saksama kepada kita semua — warga kerja mahupun pengarah

Tujuan Tatakelakuan Perniagaan Kita

Kod kita ialah panduan untuk membantu kita mematuhi standard etika tinggi Syarikat kita — dan diri kita sendiri. Ia meringkaskan kebanyakan undang-undang yang diguna pakai ke atas kerja-kerja kita di **onsemi**. Ia juga memerihalkan nilai-nilai etika yang kita kongsi. Sudah tentulah, mematuhi undang-undang hanyalah satu bahagian daripada budaya beretika. Kita juga mestilah melakukan urusan perniagaan dengan cara yang konsisten dengan nilai-nilai teras kita.

Kod kita tidak meliputi setiap situasi yang kita mungkin tempuhi dalam urusan perniagaan sehari-hari kita. Sebaliknya, Kod kita menonjolkan isu-isu utama dan mengenal pasti dasar dan sumber untuk membantu kita membuat keputusan dengan jayanya untuk diri kita sendiri dan untuk **onsemi**. Kita mempunyai tanggungjawab untuk mengetahui dan mengikuti semua dasar dan prosedur Syarikat, termasuk yang dirujuk dalam Kod kita.

Tanggungjawab dan Kebertanggungjawaban

Sebagai pekerja, pegawai dan pengarah **onsemi**, kita semua mempunyai tanggungjawab peribadi untuk membaca dan mematuhi Kod kita dan undang-undang. Kita menjangkakan bahawa pelanggan, pembekal, ejen, jururunding, pelesen, kontraktor, penyedia perkhidmatan dan rakan niaga kita yang lain akan mengikuti prinsip yang serupa. Oleh itu, kita tidak boleh sama sekali meminta mana-mana pihak ketiga ini untuk melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang kita sendiri tidak melibatkan diri. Di mana-mana sahaja kita melakukan urusan niaga, kita juga diminta untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, pengawalaturan dan standard. Sekiranya wujud percanggahan antara Kod kita dengan undang-undang tempatan, ikuti standard yang lebih ketat atau dapatkan panduan sebelum bertindak. Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan atau kebimbangan tentang tindakan yang disyaki melanggar undang-undang atau tidak beretika, semak dengan pengurus, penyelia, Liaison Etika Perniagaan (“BEL”) atau Ketua Pegawai Pematuhan (“CCO”) atau Naib Presiden, Etika dan Tanggungjawab Korporat Sosial (“VP, Etika dan CSR”). Sekiranya anda mengetahui

satu pelanggaran sebenar atau kemungkinan pelanggaran Kod kita atau undang-undang, anda mempunyai kewajipan untuk melaporkannya dengan segera kepada pengurus, penyelia, BEL, CCO atau VP, Etika dan CSR. Anda juga boleh melaporkan kebimbangan anda kepada mana-mana ahli Jabatan Undang-undang atau Sumber Manusia. Sekiranya anda lebih suka melaporkan kebimbangan anda secara awanama — di mana-mana yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan — anda boleh menyerahkan laporan menggunakan Talian Bantuan Pematuhan dan Etika (“Talian Bantuan Etika”).

Selain itu, **onsemi** ialah ahli Pakatan Perniagaan yang Bertanggungjawab (RBA). Keahlian kita bermakna kita beriltizam terhadap Tatakelakuan RBA melalui semua operasi dalaman kita, serta rantaian bekalan kita. Khususnya, personel pengurusan dan operasi diminta untuk meneliti Tatakelakuan RBA dan menggunapakainya dalam kawasan tanggungjawab mereka masing-masing. Tata Kelakuan RBA tersedia di <http://www.responsiblebusiness.org/standards/code-of-conduct/>.

Tanggungjawab Tambahan Pengurus dan Penyelia

Kita semua mempunyai kewajiban untuk melaporkan sekiranya disyaki terdapat pelanggaran Kod dan undang-undang. Walau bagaimanapun, mereka yang memegang peranan kepimpinan mempunyai tanggungjawab tambahan untuk mencegah pelanggaran Kod kita daripada berlaku. Pengurus dan penyelia diminta untuk melaksanakan tugas mengikut standard tatakelakuan beretika kita, dalam percakapan dan juga tindakan. Sekiranya anda seorang pengurus atau penyelia, anda bertanggungjawab untuk menggalakkan komunikasi yang terbuka dan jujur. Anda mestilah menjadi model

peranan yang positif dengan menunjukkan rasa hormat dan timbang rasa untuk setiap rakan sekerja anda. Anda juga mestilah tekun dalam memantau, meneliti dan mencegah tatalaku yang tidak beretika atau salah di sisi undang-undang di **onsemi**. Sekiranya anda seorang pengurus atau penyelia yang mendapat tahu bahawa tingkah laku sedemikian menerima laporan tentang tingkah laku sedemikian, anda mestilah dengan serta-merta memaklukkannya kepada BEL, CCO, VP, Etika dan CSR atau jabatan Undang-undang atau Sumber Manusia.

Audit, Penyiasatan dan Tindakan Disiplin

Syarikat kita menyiasat semua laporan salah laku sebenar atau yang disyaki. Maklumat yang dilaporkan akan dikendalikan sebagai sulit, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. CCO dan VP, Etika dan CSR kita, dengan kerjasama Jabatan Audit Dalam Korporat, juga boleh melaksanakan audit pematuhan Kod kita, sebagaimana yang diperlukan.

Pelanggaran Kod dan/atau undang-undang akan membawa kepada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemberhentian kerja.



BAGAIMANA HENDAK MENDAPATKAN BANTUAN


CARA MENDAPATKAN BANTUAN

Mendapatkan Bimbingan

Mendapatkan bimbingan dan melaporkan kebimbangan adalah bahagian penting dalam mengekalkan budaya etika kita. Dasar pintu terbuka kita memberikan kita kebebasan untuk mendekati mana-mana juga tahap pengurusan dengan kebimbangan kita. Syarikat kita juga telah menubuhkan Talian Bantuan Etika, yang boleh diakses melalui telefon atau secara dalam talian. Apabila menggunakan Talian Bantuan Etika, anda boleh meminta untuk kekal awanama, di mana-mana yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Semua laporan yang dibuat dengan niat baik akan disemak dengan segera dan secara profesional, dan tanpa risiko tindakan balas.

Kita hendaklah melaporkan sebarang situasi yang kita percaya, dengan niat baik, bahawa terdapat individu yang bekerja untuk atau atas nama Syarikat kita melanggar Kod kita, Dasar Syarikat atau undang-undang. Sekiranya anda menyaksikan pelanggaran sebenar atau kemungkinan pelanggaran berlaku, sila hubungi mana-mana yang berikut:

- BEL anda
- CCO
- Mana-mana anggota Jabatan Undang-undang atau Sumber Manusia
- Pengurus atau penyelia anda
- Talian Bantuan Etika



Melaporkan Kebimbangan

Talian Bantuan Etika tersedia melalui telefon bebas tol, 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Penterjemah tersedia dalam semua bahasa yang dituturkan oleh warga kerja dan pengarah **onsemi**. Secara alternatif, pertanyaan dan laporan boleh dibuat kepada Talian Bantuan Etika secara dalam talian di alamat web yang disenaraikan di bawah. Harus diingat bahawa menggunakan Talian Bantuan Etika tertakluk kepada undang-undang dan pengawalaturan tempatan.

Talian Bantuan Etika boleh diakses di mana-mana negara tempat kita mempunyai operasi yang signifikan, dengan syarat pengehadan tertentu boleh dikenakan sebagaimana yang disyaratkan oleh undang-undang tempatan. Sebarang perubahan terhadap prosedur yang mentadbir penggunaan dan

operasi Talian Bantuan Etika akan dikomunikasikan kepada semua warga kerja. Sekiranya anda tidak pasti sama anda mempunyai maklumat paling terkini mengenai Talian Bantuan Etika, sila semak dengan CCO, Jabatan Undang-undang atau BEL anda untuk pengemaskinian terbaharu.

Talian Bantuan Etika:

Amerika Syarikat: 1-844-935-0213

Semua Lokasi Lain:

Lihat "Adendum" kepada Tatakelakuan ini untuk pecahan terperinci mengikut negara

Dalam talian: helpline.onsemi.com

Talian langsung CCO: 1-602-244-5226

Talian langsung VP, Etika dan CSR:

1-602-244-6888

Tiada Tindakan Balas Dendam

Anda seharusnya berasa bebas untuk melaporkan apa-apa yang disyaki melanggar undang-undang atau Kod tanpa rasa takut ia akan menjejaskan pekerjaan anda. Tindakan balas terhadap sesiapa yang menimbulkan kebimbangan dengan niat yang baik tidak akan diterima. (Anda membuat aduan dengan "niat baik" sekiranya anda membuat percubaan jujur untuk memberikan maklumat tepat.) Mana-mana individu yang melakukan apa-apa

tindakan sebagai membalas dendam terhadap anda kerana membuat laporan atas niat baik akan dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemberhentian. Begitu juga, membuat laporan yang anda ketahui sebagai palsu juga tidak boleh diterima, dan anda boleh tertakluk kepada tindakan disiplin.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat

[Dasar Tiada Tindakan Balas.](#)





PEMEGANG SAHAM

PEMEGANG SAHAM

Di **onsemi**, kita memelihara integriti aset, maklumat dan pemfailan demi manfaat pemegang saham kita.

Melindungi Aset-aset **onsemi**

Kita terhutang kepada Syarikat kita dan pemegang saham kita untuk menjaga keselamatan aset Syarikat yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Kita mestilah melindungi aset-aset ini daripada kehilangan, kerosakan, penyalahgunaan atau kecurian. Ini termasuklah dana, produk dan sistem rangkaian dan komputer kita. Kita mestilah hanya menggunakannya untuk tujuan perniagaan yang sah di sisi undang-undang.

Walaupun anda mungkin melakukan penggunaan peribadi yang secara tidak sengaja atau sekali-sekala dengan sumber-sumber ini, mana-mana penggunaan tersebut mestilah dihadkan kepada minimum dan mestilah mematuhi dasar Syarikat kita. **onsemi** boleh mengakses dan memeriksa semua sumber Syarikat yang anda gunakan untuk aktiviti peribadi seperti komputer, pelayan dan sistem, telefon, sistem mel suara, meja, almari, kabinet, kenderaan dan peralatan lain yang dimiliki oleh **onsemi**.

Selanjutnya, anda hendaklah tidak mempunyai apa-apa jangkaan privasi peribadi mengenai penggunaan peribadi. Sebagai contoh, apa-apa mesej atau rekod yang dicipta atau dihantar melalui sistem **onsemi** — termasuk dokumen elektronik, e-mel, mel suara dan mesej segera — tanpa mengira sama ada anda mempunyai kata laluan peribadi atau sistem pemfailan. Untuk sebab-sebab yang berkaitan keselamatan, pengawalseliaan dan kebimbangan lain, **onsemi** boleh memeriksa individu dan harta benda di premis Syarikat pada bila-bila masa tanpa notis, tertakluk kepada undang-undang yang diguna pakai.

S: *Saya telah bekerja dalam pasukan yang sama di kilang **onsemi** selama beberapa tahun sekarang, dan rakan sekerja dan saya agak rapat. Walau bagaimanapun, saya mengesyaki bahawa salah seorang rakan sekerja saya mungkin mencuri logam berharga daripada Syarikat kita. Pada mulanya, saya menyedari dia memasukkan ke dalam saku beberapa item dari almari bekalan kita. Saya tidak berkata apa-apa pada ketika itu kerana saya tidak merasakan yang ia penting. Kini saya menyedari bahawa bilangan produk itu berkurangan. Saya tidak dapat memastikan bahawa dia mencurinya, tetapi saya berasa yang dia mungkin mencurinya. Adakah saya patut melaporkan keraguan saya, walaupun saya tidak pasti?*

J: *Ya. Jika benar, ini melanggar Kod dan undang-undang. Walaupun rakan sekerja anda tidak bertanggungjawab atas kehilangan barang-barang, adalah penting untuk melaporkan tingkah lakunya kepada pengurus, penyelia atau BEL anda. Dengan cara itu, rakan sekerja anda boleh menerima bantuan, jika perlu, dan Syarikat kita boleh mengelakkan daripada menanggung kerugian lebih besar. Ingat bahawa anda tidak akan berhadapan dengan tindakan balas kerana melaporkan kebimbangan anda dengan niat baik.*

Maklumat Sulit dan Proprietari

Kita semua mempunyai tugas untuk menjaga keselamatan maklumat sulit dan proprietari Syarikat. Kita mestilah menandakan maklumat sedemikian mengikut aturan, menyimpannya dengan selamat dan menghadkan akses kepada mereka yang mempunyai keperluan urusan perniagaan untuk mengetahuinya. Ini diguna pakai kepada pihak ketiga, serta rakan sekerja **onsemi** kita. Selain itu, kita mestilah menjaga agar tidak membincangkan maklumat sedemikian di tempat-tempat awam yang orang lain boleh mendengar. Maklumat sulit dan proprietari termasuklah:

- Reka bentuk, proses, teknik, kompilasi atau formula produk atau perisian.
- Kontrak pelanggan dan/atau maklumat harga.
- Cadangan perniagaan dan/atau respons kepada permintaan atau cadangan pelanggan.
- Maklumat dan data bajet Syarikat.
- Data, analisis atau laporan kewangan syarikat yang bukan awam.
- Buku log, buku nota, folder pembangunan, lukisan kejuruteraan dll., berkaitan data teknikal yang dijanakan untuk produk atau proses baharu.
- Pelan pasaran, peta jalan produk, atau penilaian risiko.
- Sidang akhbar (sebelum pengumuman rasmi).
- Fail-fail personel, maklumat pekerja peribadi (data gaji, rekod peribadi atau keluarga, dsb.) dan rekod perubatan.
- Pelan perniagaan jangka panjang dan pelan perniagaan strategik.
- Kata laluan komputer.

Sekiranya anda mempunyai keperluan perniagaan untuk mendedahkan maklumat sulit dan proprietari kepada pihak ketiga, pihak ketiga tersebut mesti menandatangani perjanjian ketakdedahan sebelum menerima maklumat ini. Kita mempunyai tugas untuk melindungi maklumat sedemikian pada setiap masa. Malah, tugas kita diteruskan walaupun selepas tempoh pelantikan kita tamat.

Seperti juga yang kita harapkan orang lain menghormati hak-hak harta intelek kita, kita mestilah menghormati hak-hak orang lain. Ini bermakna mengikuti susun atur pelesenan dan yang lain yang serupa, serta menghormati hak-hak orang lain dalam maklumat sulit, rahsia dagangan atau harta intelek mereka. Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda mempunyai hak untuk menggunakan atau menyalin mana-mana perisian atau bahan berhak cipta lain untuk kerja anda (termasuk perisian sumber terbuka), sila hubungi Jabatan Undang-undang.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada [Dasar Klasifikasi, Penandaan dan Perlindungan Maklumat Proprietari atau Sulit](#) kita. Sila bertanya kepada pengurus atau penyelia anda sekiranya anda tidak pasti di mana hendak mencari dasar-dasar tersebut. Sila lihat juga bahagian "[Merentas Sempadan Negara](#)" Kod ini mengenai had pendedahan tambahan.

S: *Dalam peranan saya di **onsemi**, saya telah membantu membangunkan dan melaksanakan proses kejuruteraan baharu yang telah menambah baik cara kita melakukan urusan perniagaan. Saya berbangga dengan sumbangan saya dalam bidang ini, dan ingin mengesyorkan proses ini sebagai jururunding untuk syarikat lain. Bolehkah saya melakukan ini?*

J: Tidak. Kejuruteraan dan proses lain dianggap sebagai maklumat sulit proprietari Syarikat, dan mestilah tidak dikongsi di luar **onsemi**. Mendedahkan maklumat ini kepada pihak ketiga boleh menjejaskan reputasi dan kedudukan persaingan kita. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan yang dianggap maklumat sulit proprietari, rujuk BEL, CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang sebelum berkongsi. Selain itu, sekiranya anda mempertimbangkan pekerjaan di luar, lihat bahagian 11 "[Percanggahan Kepentingan](#)" Kod ini untuk maklumat lanjut.

Privasi

Kita berusaha untuk melindungi maklumat peribadi warga kerja kita, pelanggan dan orang lain dengan langkah-langkah keselamatan yang wajar. Mereka yang mempunyai akses ke maklumat peribadi mestilah menjaganya daripada penggunaan tidak wajar atau tanpa kebenaran atau pendedahan dan mengikuti semua dasar dan protokol keselamatan Syarikat yang diguna pakai untuk mengendalikannya maklumat ini, serta undang-undang privasi dan perlindungan data yang diguna pakai untuk kerja-kerja kita.

Seperti juga kita mesti melindungi maklumat peribadi, kita juga mempunyai tanggungjawab untuk melindungi data dan maklumat sulit pihak ketiga. Kita mestilah sama sekali tidak menggunakan atau mendedahkan mana-mana maklumat sulit pihak ketiga melainkan kita mempunyai kebenaran tersurat mereka. Anda hendaklah merujuk dengan Jabatan Undang-undang atau Sumber Manusia sebelum menghantar maklumat sedemikian di luar Syarikat.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada [Dasar Privasi](#) kita.

Media Sosial dan Penggunaan Internet

Syarikat memperakui bahawa warga kerjanya ada meneroka dan melibatkan diri dalam komuniti sosial dan dalam talian. Kita mestilah mendekati dunia dalam talian sama dengan mendekati secara fizikal — dengan menggunakan pertimbangan wajar dan masuk akal — dan dengan mematuhi nilai-nilai Syarikat iaitu Inisiatif, Integriti dan Rasa Hormat. Sama ada seorang pekerja itu memilih untuk menyertai rangkaian sosial dalam talian, blog, wiki atau apa-apa juga bentuk penerbitan atau perbincangan dalam talian keputusan adalah ditangannya. Syarikat mengiktiraf bahawa platform kerjasama dalam talian yang semakin banyak kemunculannya mengubah cara individu dan organisasi berkomunikasi dan memperakui pentingnya menyertai perbualan dalam talian ini. Dengan itu, kami beriltizam untuk memastikan bahawa anda semua menyertai media sosial dalam talian dengan cara yang betul.

Sebagai sebahagian daripada iltizam kita untuk melindungi maklumat yang sulit dan proprietari — seperti maklumat pelanggan, maklumat produk, rahsia dagangan dan maklumat lain yang secara amnya yang dijadikan tidak tersedia kepada pihak awam disebabkan sifatnya yang sensitif — kita mestilah tidak sama sekali mendedahkan maklumat sulit

proprietari melalui penggunaan kita ke atas laman-laman web ini. Kita juga mestilah memastikan bahawa kita tidak mengatributkan pandangan peribadi terhadap Syarikat kita atau menyiarkan bahan tidak wajar atau menyinggung perasaan, atau bahan yang melanggar dasar Syarikat kita. Contoh mesej tidak boleh diterima yang diatributkan atau berafiliasi dengan Syarikat kita termasuklah:


- Pernyataan yang memperkecil-kecilkan atau bersifat fitnah tentang **onsemi** atau pengarah, pekerja dan pemegang sahamnya
- Pernyataan yang memperkecil-kecilkan atau bersifat fitnah tentang pesaing kita
- Pernyataan yang berdasarkan ras, asal usul, warna, umur, jantina, kekurangan upaya fizikal atau orientasi seksual
- Pernyataan tentang produk atau perkhidmatan Syarikat kita yang tidak tepat, mengelirukan atau tidak benar

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk [Dasar Media Sosial](#) dan dasar-dasar berkaitan kita. Sekiranya anda tidak pasti di mana hendak mendapatkan dasar ini, sila bertanya kepada pengurus atau penyelia anda.

S: *Saya sering menyertai beberapa laman rangkaian sosial, dan saya ada menyatakan yang saya pekerja **onsemi**. Saya tidak pernah menggunakan Facebook atau LinkedIn semasa di tempat kerja, dan jarang bercakap tentang kerja saya. Baru-baru ini, selepas perundingan yang panjang, saya berjaya memperoleh kontrak baharu dengan organisasi terkemuka untuk Syarikat kita. Saya mengeposnya di Facebook saya bahawa usaha keras saya telah berbaloi, dan saya akhirnya berjaya mendapatkan kontrak untuk organisasi ini. Saya juga menyatakan organisasi mengikut namanya, memandangkan mereka adalah pegangan awam, dan akaun Facebook saya adalah persendirian. Adakah ini okey?*

J: Tidak. Walaupun melibatkan diri dalam media sosial boleh menjadi satu cara bagus untuk mencipta peluang kepada Syarikat kita, kita mestilah tidak sama sekali mendedahkan maklumat sulit proprietari **onsemi** kepada orang ramai tanpa keperluan perniagaan untuk mengetahuinya. Walaupun tetapan akaun anda dalam laman rangkaian sosial ditetapkan ke “persendirian”, masih ada kemungkinan anda berkongsi maklumat dengan ramai orang yang tiada keperluan perniagaan untuk mengetahuinya. Dengan memperkenalkan diri anda sebagai pekerja di **onsemi**, dan mendedahkan kontrak baharu yang masih belum diumumkan kepada pihak awam, anda meletakkan diri anda dan **onsemi** pada risiko yang serius. Maklumat ini boleh dianggap “maklumat dalaman”, yang boleh melanggar undang-undang keselamatan selain Dasar Dagangan Orang Dalam dan Dasar Pendedahan Syarikat kita. Tambahan lagi, kontrak itu sendiri mungkin tertakluk kepada peruntukan sulit yang melarang pendedahannya.

Sekiranya anda mendedahkan maklumat sulit Syarikat melalui media atau laman perangkaian sosial, padamkan pos anda dengan serta-merta dan laporkan pendedahan kepada pengurus atau penyelia anda, BEL atau Jabatan Undang-undang. Untuk maklumat lanjut mengenai apa yang membentuk maklumat dalaman, sila lihat bahagian berikut.



Maklumat Dalam dan Dagangan Sekuriti

Melalui kerja kita di **onsemi**, kita mungkin bertembung dengan maklumat tentang Syarikat kita atau syarikat yang disenarai awam lain yang dianggap maklumat dalaman. “Maklumat dalaman” ialah bahan, maklumat bukan awam yang pelabur anggap penting apabila membuat keputusan untuk membeli, memegang atau menjual saham. Antara contoh biasa maklumat dalaman termasuklah:

- Pemerolehan atau nyahlabur yang tidak diumumkan
- Maklumat bukan awam tentang keputusan kewangan Syarikat kita
- Litigasi sedang menunggu atau diancam
- Pembangunan produk baharu yang signifikan
- Perubahan dalam pengurusan kanan

Kita tidak dibenarkan untuk berdagang dalam sekuriti atau pelaburan serupa berdasarkan maklumat dalaman. Melakukannya dipanggil “dagangan orang dalam”, dan melanggar undang-undang kebanyakan negara kita melakukan perniagaan. Kita juga mestilah mengelakkan “memberi petua” kepada orang lain — atau memberikan maklumat dalaman kepada mereka supaya mereka boleh membuat keputusan pelaburan berdasarkan maklumat dalaman. Memberi petua juga salah di sisi undang-undang dagangan dalaman.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat [Dasar Dagangan Orang Dalam](#) kita. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang berdagang saham **onsemi**, sila hubungi Jabatan Undang-undang sebelum anda melakukan sebarang transaksi sekuriti.

S: *Saya terdengar seorang eksekutif berkata bahawa Syarikat kita merancang untuk menjual satu barisan perniagaan utama. Adakah saya dibenarkan untuk membeli atau menjual saham Syarikat berdasarkan maklumat yang saya terdengar itu?*

J: *Tidak, kita tidak dibenarkan untuk berdagang dalam sekuriti berdasarkan maklumat dalaman. Dalam kes ini maklumat yang anda terdengar berkemungkinan besar ialah maklumat bahan dan bukan awam. Sekiranya ini berlaku, anda hendaklah menghubungi Jabatan Undang-undang sebelum apa-apa transaksi yang melibatkan sekuriti **onsemi**. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada [Dasar Dagangan Orang Dalam](#) kita.*

Ketepatan Rekod Syarikat

Rekod Syarikat kita membentuk asas untuk laporan kewangan kita dan pendedahan kepada pihak awam lain. Oleh itu, perekodan dan pelaporan maklumat secara jujur dan tepat adalah penting untuk membuat keputusan perniagaan bertanggungjawab. Ini termasuklah data perniagaan seperti kualiti, keselamatan dan rekod personel, serta semua rekod kewangan. Sebagai sebuah syarikat awam, adalah penting maklumat yang kita serahkan dalam rekod Syarikat lengkap, menepati masa, tepat dan boleh difahami. Rekod yang tidak lengkap dan tidak menepati masa boleh menjejaskan reputasi Syarikat dan menyebabkan **onsemi** dan individu yang terlibat untuk

menanggung liabiliti undang-undang. Semua buku kewangan, rekod dan akaun kita mestilah dengan tepat mencerminkan transaksi dan peristiwa. Kita mestilah tidak sekali-kali membuat masukan palsu atau tiruan. Selanjutnya, kita mestilah sentiasa mengikut prinsip perakaunan yang disyaratkan, serta kawalan dalaman Syarikat kita. Sebagai contoh, apabila pembayaran dibuat, ia hanya boleh digunakan untuk tujuan yang disebutkan dalam dokumen yang menyokongnya. Sekiranya anda mengesyaki terdapat sebarang ketidakseragaman atau penipuan perakaunan atau pengauditan, anda hendaklah melaporkannya dengan serta-merta.

Memberikan Maklumat Kewangan

Ada kalanya, kita mungkin akan dipanggil untuk memberikan maklumat untuk laporan awam kita. Syarikat kita menjangkakan kita untuk mengambil tanggungjawab ini dengan amat serius. Dalam melakukannya, kita mestilah memberikan jawapan yang segera dan tepat kepada pertanyaan yang berkaitan dengan syarat pendedahan awam kita.

Ingat bahawa mendapatkan dan memberikan maklumat perniagaan dan kewangan yang lengkap dan tepat adalah penting untuk kita mematuhi undang-undang.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat [Dasar Pendedahan](#) kita.

Tanggungjawab Sosial

Jabatan Kewangan, pegawai Syarikat dan pengarah **onsemi yang tertentu** mempunyai tanggungjawab khas untuk menggalakkan integriti dalam Syarikat kita. Mereka diharapkan untuk memastikan ketepatan dan lengkapnya pendedahan awam yang Syarikat kita berikan. Disebabkan peranan khas ini, individu berikut disyaratkan untuk mengetahui dan memahami undang-undang pendedahan kewangan yang diguna pakai dalam kerja mereka:

- Setiap Ahli Lembaga Pengarah
- Ketua pegawai eksekutif
- Ketua pegawai kewangan
- Ketua pegawai perakaunan atau pengawal, atau orang yang melaksanakan fungsi serupa
- Setiap anggota Jabatan Kewangan **onsemi** Corporation dan setiap anak syarikatnya

Pelanggaran undang-undang pendedahan kewangan akan dilihat sebagai kesalahan berat yang boleh membawa kepada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemberhentian. Ini termasuklah gagal melaporkan kemungkinan pelanggaran oleh orang lain. Sekiranya anda percaya bahawa pelanggaran telah berlaku, hubungi CCO, VP, Etika dan CSR atau

Jabatan Undang-undang. Sekiranya anda lebih gemar untuk melaporkan secara awanama, anda boleh menyerahkan laporan ke Talian Bantuan Etika. Ingat, adalah bercanggah dengan dasar Syarikat untuk bertindak balas terhadap sesiapa sahaja yang membuat laporan berniat baik berkaitan pelanggaran.

S: *Salah satu tanggungjawab saya di **onsemi** ialah memasukkan maklumat pesanan pelanggan. Baru-baru ini, pengurus saya meminta saya untuk membuat sedikit pelarasan kepada pesanan. Khususnya, dia mengarahkan saya untuk mempercepatkan tarikh pesanan yang direkodkan untuk melonjakkan jualan suku tahun ini. Bagi saya ia tidak kelihatan normal, tetapi saya buat seperti yang diarahkan. Saya tidak seharusnya mempertikaikan pengurus saya dalam situasi ini, atau adakah saya patut?*

J: Ya, anda patut. Sekiranya sesuatu tidak kelihatan betul pada anda — walaupun pengurus anda ialah orang yang meminta anda melakukannya — anda hendaklah melaporkan situasi kepada sumber yang anda berasa selesa seperti BEL anda, CCO, Jabatan Undang-undang atau Talian Bantuan Etika. Dalam kes ini, pengurus anda mungkin meminta anda untuk merekodkan pesanan pelanggan secara tidak betul. Tindakan ini mengkompromikan integriti rekod kita dan boleh menyebabkan **onsemi** — serta anda dan pengurus anda — mengalami risiko liabiliti undang-undang. Dengan membuat laporan, anda melakukan perkara yang betul untuk diri anda, untuk **onsemi** dan untuk pemegang saham kita.

Merekodkan dan Mengekalkan Komunikasi Perniagaan

Ada kalanya, rekod dan komunikasi perniagaan kita boleh menjadi awam. Ini boleh berlaku melalui litigasi, penyiasatan kerajaan atau media. Selain memastikan rekod kita jelas, jujur dan tepat, kita juga mestilah mengekalkan penampilan profesionalnya. Elakkan berlebih-lebihan, bahasa berbunga-bunga, teka meneka, kesimpulan undang-undang, pernyataan menyinggung atau pencirian sifat orang atau syarikat. Ini diguna pakai untuk semua bentuk komunikasi, termasuk e-mel dan nota atau memo tidak rasmi. Rekod hendaklah sentiasa diuruskan mengikut dasar pengekalan dan pengurusan rekod kita. Sekali-sekala, anda

boleh menerima notis bahawa dokumen yang anda uruskan diperlukan berkenaan dengan tuntutan saman atau penyiasatan pihak kerajaan. Sekiranya anda menerima notis sedemikian, anda mestilah tidak mencuba untuk mengubah suai, menutup atau menghapuskan maklumat berkenaan. Sekiranya anda tidak pasti maklumat bagaimana yang relevan, hubungi Jabatan Undang-undang. Untuk maklumat lanjut, sila lihat [Dasar Pengekalan/Pemusnahan Rekod kita](#). Sila bertanya kepada pengurus atau penyelia anda sekiranya anda tidak pasti di mana hendak mencari dasar ini.



PEKERJA DAN PENGARAH

PEKERJA DAN PENGARAH

Di **onsemi**, kita menghormati maruah satu sama lain.

Rasa Hormat Berterusan

Sebagai sebuah syarikat global, kita menghargai kepelbagaian individu dari seluruh dunia. Syarikat kita memahami bahawa pelbagai pandangan, idea, kepercayaan dan amalan harus diambil untuk berjaya. Kita mendukung perbezaan ini, dan melayani satu sama lain dengan penuh rasa hormat dan kesaksamaan pada setiap masa. Maka dengan itu, kita beriltizam untuk mencegah amalan seperti buruh paksa dan perdagangan manusia.

onsemi menyediakan waktu bekerja yang munasabah, pampasan adil, dan layanan insaniah kepada semua orang yang melaksanakan kerja mereka bagi pihak kita. Kita menjangkakan pelanggan, pembekal dan rakan niaga kita yang lain untuk mengikuti prinsip yang sama ini. Dengan melakukannya, kita mendakap nilai-nilai teras yang menjadi asas operasi Syarikat.

Selain itu, **onsemi** tiada toleransi terhadap diskriminasi. Kita membuat keputusan pengambilan pekerja berdasarkan kelayakan, bakat dan pencapaian — bukan pencirian sifat yang dilindungi undang-undang. Pencirian sifat itu termasuklah, tetapi tidak terhad kepada ras, agama, warna, negara asal, jantina, gender, identiti gender atau ekspresi gender, umur, kekurangan upaya, status perkahwinan, orientasi seksual, maklumat genetik, status ketenteraan dan veteran atau mana-mana sifat yang dilindungi secara sah di sisi undang-undang. Kita mematuhi undang-undang, pengawalaturan, standard dan peraturan yang diguna pakai di mana-mana yang kita menjalankan perniagaan. Ini termasuklah undang-undang diskriminasi, buruh kanak-kanak serta gaji dan waktu bekerja. Kita juga menyediakan kemudahan tempat tinggal yang munasabah sebagaimana yang diperlukan oleh mereka yang kurang upaya dan kepercayaan dan amalan agama.

Mengelakkan Gangguan

Menghormati satu sama lain sebagai individu juga bermakna kita tidak melibatkan diri dengan tingkah laku yang mengganggu. Gangguan boleh jadi bersifat seksual atau tidak seksual. Ia boleh jadi secara lisan, fizikal atau visual, dan definisinya mungkin berbeza dari negara ke negara. Di **onsemi**, walau bagaimanapun, gangguan ialah mana-mana tingkah laku yang mempunyai tujuan atau kesan untuk mewujudkan persekitaran berbau intimidasi, berseteru atau menyinggung perasaan. Antara contoh biasa gangguan termasuklah:

- Komen menghina, kejian atau panggilan gelaran
- Tindak tanduk seksual yang tidak diingini

- Paparan atau gerak isyarat yang menyinggung perasaan atau bersifat menghina
- Serangan, pembulian, intimidasi atau sentuhan yang tidak diingini

Tanpa mengira bentuk gangguan yang berlaku, tingkah laku salah guna, mengganggu atau menyinggung perasaan tidak boleh diterima di **onsemi**. Sekiranya anda berasa tidak selesa dengan tingkah laku rakan sekerja, anda digalakkan untuk bersuara. Anda boleh melaporkan gangguan kepada pengurus, penyelia atau BEL anda, menyerahkan laporan ke Talian Bantuan Etika atau menghubungi CCO. Harus diingat bahawa **onsemi** tidak akan bertoleransi mana-mana tindakan balas terhadap anda kerana membuat laporan.

Untuk maklumat lanjut, sila lihat [Dasar Hak-hak Asasi Manusia](#) dan [Pernyataan Dasar Perdagangan Manusia dan Perhambaan](#) kita

S: *Baru-baru ini, negara asal saya telah dipaparkan secara paling menonjol dalam berita kerana kekecohan politiknya. Sesetengah rakan sekerja saya telah bertanya pendapat saya tentang perkara itu dengan penuh rasa hormat, yang mana ia tidak mengganggu saya. Walau bagaimanapun seorang rakan sekerja telah membuat komen tidak sensitif tentang budaya saya dan menstereotaipkan saya berdasarkan apa yang dia dengar. Apabila saya tidak merespons kepada penghinaannya, dia menghamburkan perkara yang lebih teruk. Apabila saya mengancam untuk memberitahu penyelia kami, dia beritahu saya semuanya sekadar seronok-seronok sahaja dan saya tidak perlu serius sangat.. Saya berasa seperti tidak dapat meluahkan pendapat saya. Apakah yang boleh saya lakukan dalam situasi seperti ini?*

J: Rakan sekerja anda mengganggu anda, dan meletakkan diri anda dalam situasi yang tidak selesa di tempat kerja. Anda telah pun memberitahu rakan sekerja anda bahawa tingkah lakunya tidak senonoh — kini anda hendaklah mengambil tindakan dan beritahu penyelia anda, atau sumber lain yang anda rasa selesa dengannya. Jangan biarkan rakan sekerja yang menyinggung perasaan itu memujuk anda agar tidak melaporkan tingkah lakunya. **onsemi** tidak bertoleransi terhadap komen berbentuk menghina atau membuli di tempat kerja, dan akan mengambil tindakan sewajarnya dalam semua kes gangguan.

Keselamatan dan Kesihatan

Syarikat kita beriltizam untuk mengekalkan tempat kerja kita bebas daripada bahaya. Kita semua bertanggungjawab untuk mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat. Kita melakukan ini, sebahagiannya, dengan mengikuti semua peraturan dan amalan keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan. Apabila kemalangan atau kecederaan berlaku, kita bertanggungjawab untuk melaporkannya. Perkara yang sama juga diguna pakai untuk peralatan, amalan atau keadaan yang kita percaya tidak selamat. Sekiranya anda mengesyaki terdapat kemungkinan isu kesihatan atau keselamatan, hubungi wakil kesihatan dan keselamatan tempatan anda atau BEL anda.

Persekitaran yang selamat dan sihat juga persekitaran yang bebas keganasan. Kita mestilah tidak sama sekali bertindak dengan cara yang mengancam atau menakut-nakutkan. Sebarang tingkah laku ganas atau mengancam hendaklah dilaporkan dengan serta-

merta kepada penyelia, keselamatan tempatan atau Sumber Manusia. Sekiranya anda atau rakan sekerja anda berada dalam bahaya meruncing, hubungi pihak berkuasa tempatan.

Akhir sekali, Syarikat kita beriltizam ke arah tempat kerja yang bebas daripada penggunaan dadah terlarang dan penyalahgunaan alkohol, yang boleh menghalang kita daripada melakukan kerja kita dengan selamat dan berkesan. Bekerja di bawah pengaruh dadah atau alkohol mewujudkan risiko kepada kita dan rakan sekerja kita. Oleh itu, kita tidak boleh memiliki, mengedar atau berada di bawah pengaruh dadah terlarang atau ubat preskripsi yang tidak digunakan dengan betul semasa berada di premis Syarikat atau semasa mengendalikan urusan niaga Syarikat. Selanjutnya, kita mestilah tidak dijejaskan oleh alkohol semasa melaksanakan urusan niaga Syarikat.



PELANGGAN DAN PENGGUNA


PELANGGAN DAN PENGGUNA

onsemi didorong untuk memenuhi dan melampaui jangkauan pelanggan kita.

Kualiti dan Keselamatan Produk

Kita mengekalkan reputasi bernilai Syarikat dengan menghasilkan produk yang selamat dan berkualiti. Kita melakukannya dengan mengikuti semua proses kualiti dan keperluan keselamatan yang ditetapkan di lokasi kita bekerja. Kita juga mematuhi semua standard dan pengawalaturan tentang pembangunan, pengeluaran, jualan dan pengedaran produk kita. Kita

merosakkan nama baik kita sekiranya kita menghantar produk atau menyampaikan perkhidmatan yang gagal memenuhi standard tinggi Syarikat. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kemusykilan mengenai kualiti dan keselamatan produk, anda hendaklah merujuk kepada pengurus, penyelia atau Jabatan Kualiti.



Jualan dan Pemasaran

Kita membina perhubungan jangka panjang dengan pelanggan kita melalui kejujuran dan integriti. Oleh itu, pemasaran dan pengiklanan kita mestilah sentiasa tepat dan benar. Kita tidak pernah membuat mesej yang sengaja mengelirukan atau mengeneipkan fakta penting tentang produk atau perkhidmatan kita. Selain itu, kita tidak membuat dakwaan palsu dan mengecil-ngecilkan tawaran pesaing kita.

Kita menangani pelanggan kita secara adil, begitu juga pembekal dan rakan niaga kita yang lain. Kita hanya mendapatkan perniagaan secara sah dan beretika. Rasuah dan suapan tidak sama sekali diterima. Untuk maklumat lanjut tentang hadiah, perjalanan dan hiburan daripada pelanggan, lihat bahagian "[Percanggahan Kepentingan](#)." Kod ini.

Maklumat Sulit Pelanggan

Kita melindungi maklumat persendirian pelanggan dan pengguna kita seperti kita menjaga maklumat persendirian kita sendiri. Mereka yang mempunyai keperluan perniagaan untuk mengetahui maklumat sulit sahaja yang sepatutnya boleh mengakses


maklumat. Jangan sekali-kali menyalahgunakan maklumat sedemikian. Untuk lebih banyak lagi tentang topik ini, lihat bahagian "[Maklumat Proprietari Sulit](#)." Kod ini.

Pelanggan Kerajaan

Apabila mengendalikan pelanggan kerajaan, adalah mustahak untuk mematuhi undang-undang, pengawalaturan dan prosedur yang diguna pakai untuk kerja-kerja kontrak kerajaan. Undang-undang sedemikian meletakkan pengehadan ketat ke atas hadiah, hiburan dan perjalanan yang ditawarkan kepada pegawai kerajaan. Ia juga sering diguna pakai ke atas pelantikan pegawai yang telah bersara atau baru bersara dan keluarga mereka. Selanjutnya, undang-undang ini mentadbir mana-mana tingkah laku yang berkemungkinan mewujudkan atau kelihatan untuk mewujudkan pengaruh yang tidak wajar. Pelbagai undang-undang lain lagi mentadbir dengan ketat amalan perakaunan dan pengebilan yang dikenakan kepada pemenuhan kontrak dan subkontrak kerajaan.

Kita prihatin untuk mematuhi undang-undang sedemikian, mematuhi semua kewajipan undang-undang dan kontrak yang diguna pakai ke atas kita di seluruh dunia. Apabila kita menggunakan pembekal atau subkontraktor untuk memenuhi komitmen kita, kita mengkomunikasikan syarat-syarat yang sama kepada mereka.

Sekiranya anda berurusan dengan pegawai dan kontrak kerajaan, anda bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi undang-undang dan pengawalaturan yang diguna pakai. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila rujuk kepada pengurus, penyelia, BEL anda atau Jabatan Undang-undang.



RAKAN NIAGA

RAKAN NIAGA

Membina perhubungan berkualiti dengan syarikat berfikiran sama yang lain memberikan **onsemi** kelebihan berdaya saing.

Membuat Urusan Perniagaan Dengan Pihak Lain

Kita hanya menjalankan urus niaga dengan rakan yang meningkatkan reputasi kita dan menambah nilai kepada pemegang saham kita. Maka dengan itu, kita mencari untuk menjalankan urus niaga dengan syarikat yang nilai-nilainya serupa dengan nilai-nilai kita. Kita tidak berurus niaga dengan pihak ketiga yang bertindak dengan cara terlarang atau tidak beretika. Kita menjangkakan rakan niaga kita untuk mematuhi statut alam sekitar, pekerjaan, keselamatan dan antirasuah. Rakan niaga **onsemi** juga diminta untuk mengikuti Kod kita.

Ejen dan Jururunding

Penjual, pengedar, ejen, pencari dan jururunding kita dibayar dengan yuran dan kadar komisen yang munasabah. Ini bermakna bahawa nilai produk yang diterima, atau kerja sebenar yang dilaksanakan diganjarkan secara adil dan tanpa pilih kasih. Kita tidak membayar komisen atau yuran yang kita ada sebab untuk percaya ialah rasuah atau akan menjadi rasuah.

Subkontraktor

Subkontraktor memainkan peranan penting dalam memenuhi pelbagai kontrak kita. Subkontraktor yang kita pilih mestilah memelihara dan mengukuhkan reputasi kita dengan bertindak selaras dengan Kod kita.

Usahasama dan Pakatan

onsemi hanya bekerjasama dengan syarikat yang berkongsi iltizam dan etika kita.

S: *Saya mengekal perhubungan dengan beberapa pembekal **onsemi**. Baru-baru ini saya mendapat tahu bahawa salah satu pembekal telah diletakkan di bawah penyiasatan kerana melupuskan bahan berbahaya secara tidak betul. Saya kemudian menyelidik maklumat yang tersedia secara awam dan mendapati bahawa pembekal ini telah didenda atas amalan serupa pada masa lalu. Saya rasa ia sangat merosakkan bagi Syarikat kita meneruskan perhubungan perniagaan ini. Apakah yang patut saya lakukan?*

J: Kebimbangan anda betul. Nampaknya pembekal ini mempunyai sejarah tingkah laku terlarang dan tidak beretika. Anda disarankan untuk melaporkan dapatan anda kepada ketua Organisasi Rantaian Bekalan Global kita, BEL anda, Talian Bantuan Etika, CCO atau VP, Etika dan CSR untuk membantu **onsemi** menyiasat dengan lengkap perkara ini. Selepas meneliti faktanya, **onsemi** boleh memutuskan sama ada perhubungan perniagaan itu patut ditamatkan. Dalam mana-mana kes, anda melakukan yang betul dengan menyuarkan kebimbangan anda.

Amalan Pembelian

Kita membuat keputusan membeli berdasarkan kepentingan terbaik Syarikat kita semata-mata. Pembekal berjaya mendapat kontrak kita disebabkan kualiti produk atau perkhidmatan, harga, penghantaran dan kualiti mereka. Kita mendokumentasikan semua perjanjian pembelian dan komitmen serupa. Bagi kita yang memegang tanggungjawab membeli mestilah juga mengenal pasti yang berikut ini dengan jelas:

- Perkhidmatan atau produk yang disediakan
- Asas untuk memperoleh pembayaran
- Kadar atau yuran yang diguna pakai

Haruslah diingat bahawa kita hanya membuat pembayaran yang setara dengan perkhidmatan atau produk yang disediakan. Tiada tolak ansur ke atas rasuah.

Maklumat Sulit Rakan Niaga

Kita melindungi maklumat rakan niaga yang sensitif, istimewa atau sulit sama seperti kita melindungi maklumat kita sendiri. Maklumat hendaklah dikongsikan oleh mereka yang mempunyai

keperluan perniagaan sah untuk mengetahuinya. Selain itu, kita menjangkakan rakan niaga kita untuk melindungi maklumat sulit yang kita berikan kepada mereka.



PESAINING

PESAING

Kita bersaing secara agresif dan dengan integriti.

Maklumat Saingan

Syarikat kita mengiktiraf nilai dalam mendapatkan maklumat tentang pesaing-pesaing kita. Walau bagaimanapun, kita mestilah menggunakan cara yang sah di sisi undang-undang dan beretika untuk mengumpulkan maklumat sedemikian. Ini bermakna kita tidak akan sekali-kali:

- Mencuri maklumat proprietari
- Mendapatkan maklumat perniagaan tanpa kebenaran pemilik
- Meminta pekerja pesaing kita, bekas pekerja, untuk berkongsi maklumat sulit syarikat mereka

- Mengelirukan identiti atau niat kita untuk mendapatkan akses kepada maklumat bukan awam

Sekiranya anda terlihat rahsia dagangan atau maklumat sulit perniagaan lain, anda hendaklah melaporkannya kepada pengurus atau penyelia anda dengan sertamerta. Jangan gunakannya atau dedahkannya kepada orang lain. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan tentang sama ada mengumpulkan maklumat adalah sah di sisi undang-undang atau beretika, sila hubungi pengurus, penyelia, BEL, CCO VP, Etika dan CSR anda dan Jabatan Undang-undang. Anda juga boleh mengajukan pertanyaan anda menggunakan Talian Bantuan Etika.

S: *Baru-baru ini saya menghadiri persidangan industri, yang turut disertai oleh wakil daripada pelbagai pesaing **onsemi**. Persidangan telah diadakan di hotel dan resort mewah di negara tempat saya bekerja. Apabila saya pergi ke pusat perniagaan untuk mencetak pas berangkat saya untuk penerbangan balik, saya terdengar beberapa orang membincangkan pembangunan produk baharu. Saya menyedari bahawa kesemua mereka bekerja dengan salah satu pesaing utama **onsemi** dan tidak mengetahui siapa saya. Maklumat yang saya terdengar mungkin berguna untuk **onsemi**. Apakah yang patut saya lakukan?*

J: Sekiranya anda mendapati diri anda dalam situasi yang mendedahkan maklumat pesaing, jangan duduk dan dengar. Kemungkinan besar, maklumat itu adalah sulit dan anda tidak dimaksudkan untuk mendengarnya. Biarkan pihak yang satu lagi itu mengetahui bahawa anda secara tidak sengaja terdengar perbualan mereka, dan bahawa mereka hendaklah meneruskan perbualan mereka tanpa ada orang lain di sekeliling. Apabila anda kembali dari persidangan, laporkan situasi kepada pengurus, penyelia atau BEL anda untuk dokumentasi. Yang paling penting, sekiranya maklumat adalah sulit, jangan gunakan maklumat yang anda terdengar itu. Melakukan sebegini adalah tidak beretika dan salah di sisi undang-undang.

Persaingan Adil dan Antitrust

Kita mematuhi undang-undang “persaingan” atau “antitrust” di pelbagai negara tempat kita mengurus niaga. Undang-undang persaingan wujud untuk memelihara dagangan bebas dalam pasaran. Ia membenarkan akses kepada pengguna untuk produk dan perkhidmatan berkualiti pada harga yang patut. Undang-undang ini adalah rumit dan berbeza-beza dari satu negara ke negara lain. Secara amnya, ia melarang memasuki ke dalam perjanjian rasmi mahupun tidak rasmi dengan pesaing yang menyekat dagangan. Ini termasuklah:

- Memperuntukkan atau mengehadkan pelanggan, kontrak, wilayah atau produk dan perkhidmatan
- Menetapkan harga atau syarat jualan
- Mengehadkan pengeluaran atau penyelidikan dan pembangunan
- Menolak untuk menjalankan urusan niaga dengan, atau “memboikot” pelanggan atau pembekal
- Menstandardkan ciri-ciri produk atau perkhidmatan yang tersedia
- Menahan daripada menjual atau memasarkan produk atau perkhidmatan tertentu
- Mencuba untuk memonopoli atau menghapuskan persaingan

Adalah penting untuk mengetahui bahawa bahkan penampilan perjanjian antara pesaing boleh melanggar undang-undang persaingan. Amalkan sikap berwaspada apabila menghadiri mesyuarat persatuan dagangan atau mesyuarat dan acara lain yang pesaing **onsemi** mungkin menghidirinya. Sekiranya wakil pesaing cuba untuk membincangkan mana-mana topik di atas dengan anda, hentikan perbualan dengan serta-merta. Jelaskan bahawa anda tidak menyertai mana-mana perjanjian dengan pesaing ini. Kemudian, laporkan insiden dengan segera.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan tentang undang-undang persaingan, dan cara ia diguna pakai ke atas anda, sila rujuk dengan CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang.

S: *Baru-baru ini saya bertembung dengan seorang rakan daripada kolej dan dia kini bekerja dengan salah satu pesaing kita. Dia bertanya saya tentang **onsemi** dengan cara yang membuatkan saya terfikir dia mungkin hendak bekerja di sini. Dia kemudian mengejutkan saya dengan memberitahu saya bahawa sekiranya Syarikat kita tidak menaikkan harga, syarikatnya juga ada ruang untuk mengenakan caj lebih tinggi untuk produk mereka. Apakah yang saya patut lakukan?*

J: Mula-mula, hentikan perbualan. Jelaskan kepada rakan anda bahawa anda tidak akan menjadi sebahagian percakapan antipersaingan. Ingat, bahkan pemahaman tidak rasmi antara pesaing boleh melanggar kod kita, dasar kita dan undang-undang persaingan. Kemudian, laporkan situasi kepada Jabatan Undang-undang atau CCO untuk susulan.



KOMUNITI

KOMUNITI

onsemi ialah warga yang bertanggungjawab dalam semua komuniti di tempat kita menjalankan perniagaan.

Khidmat Masyarakat

Kita berkhidmat kepada masyarakat dengan menyediakan inovasi cekap tenaga. Selain itu, kita secara aktif menyokong komuniti di tempat kita beroperasi. Kita percaya bahawa memberi balik kepada komuniti global kita mengukuhkan budaya beretika kita dan menjadikan **onsemi** tempat untuk

bekerja yang lebih baik. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang program yang ditaja oleh Syarikat dan peluang sukarelawan, sila hubungi penasihat geran tempatan anda ([lihat senarai di sini](#)) atau hantar e-mel kepada foundation@onsemi.com.

Aktiviti Komuniti Peribadi

Selain pelbagai program dan organisasi yang disokong oleh **onsemi**, Syarikat kita juga menggalakkan kita untuk menyumbang ke arah tujuan yang penting bagi kita sebagai individu. Kita bebas menyokong komuniti, badan amal dan organisasi politik dan tujuan pilihan kita. Walau bagaimanapun, kita mestilah jelas bahawa pandangan dan tindakan kita bukan pandangan dan tindakan **onsemi**. Kita mestilah memastikan bahawa aktiviti luaran kita tidak mengganggu prestasi

kerja kita atau memudaratkan reputasi Syarikat. Sekiranya anda memilih sesebuah organisasi atau tujuan, anda tidak boleh memaksa rakan sekerja anda untuk menyokong atau menyumbang ke arah tujuan ini. Ini benar sama ada tujuan adalah bersifat politik, keagamaan atau amal jariah. Selain itu, jangan sekali-kali cuba untuk mempengaruhi pekerja **onsemi** lain atau pengarah untuk berkongsi atau menyatakan pandangan anda.

Aktiviti Politik onsemi

Penyertaan dalam aktiviti politik ialah kawasan yang sangat sensitif dan rumit, dan undang-undang yang ketat mentadbir aktiviti politik kita sebagai sebuah Syarikat. Atas sebab ini, **onsemi** tidak membuat sumbangan politik kepada calon-calon individu. Sebagai individu, kita tidak boleh menggunakan nama, dana, waktu kerja pekerja, peralatan atau perkhidmatan untuk menyokong calon individu atau kepada jawatankuasa yang menyokong atau membangkang calon-calon individu; pastikan bahawa pandangan dan aktiviti politik tidak menggambarkan pandangan dan aktiviti **onsemi**.

Permintaan untuk sumbangan politik untuk menyokong parti atau jawatankuasa politik, atau untuk menyokong atau membangkang cadangan atau inisiatif undian, hendaklah dirujuk kepada CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang. Aktiviti melobi atau kontak kerajaan bagi pihak Syarikat kita hendaklah dikoordinasikan dengan Ketua Jabatan Hal Ehwal Kerajaan di Jabatan Undang-undang.

Alam Sekitar

Kita menghormati alam sekitar di tempat kita menetap dan bekerja. Ini bermakna, sebahagiannya, bahawa kita mematuhi semua undang-undang alam sekitar yang diguna pakai di semua negara tempat kita beroperasi. Syarikat kita juga beriltizam untuk melindungi alam sekitar kita dengan meminimumkan impak operasi kita. Kita mengoperasikan perniagaan kita dengan cara yang menerapkan penggunaan lestari sumber-sumber semula jadi bumi. Sebagai pekerja dan pengarah **onsemi**, kita menyokong iltizam ini dengan mematuhi dasar dan program alam sekitar Syarikat kita.

Sekiranya anda mengesyaki bahan berbahaya memasuki persekitaran, atau dikendalikan atau dilupuskan secara tidak wajar, maklumkan dengan segera kepada wakil Kesihatan dan Keselamatan Alam Sekitar tempatan anda. Anda juga boleh menghubungi BEL, Talian Bantuan Etika, CCO, atau VP, Etika dan CSR untuk melaporkan insiden sedemikian.

Untuk maklumat lanjut sila lihat [Dasar Perubahan Iklim](#) kita.

S: *Saya bekerja di kemudahan pengilangan **onsemi** yang memerlukan saya mengendalikan bahan berbahaya. Syarikat kita telah menggariskan prosedur yang sangat jelas untuk mengendalikan bahan ini. Walau bagaimanapun, semasa saya melangkah keluar untuk waktu rehat saya semalam, saya menyaksikan dua orang rakan sekerja membuang bahan-bahan ini ke dalam tempat membuang sampah dan tidak mengikut protokol. Saya tidak dapat bayangkan mengapa mereka berbuat begitu. Adakah saya patut memberitahu seseorang?*

J: Ya, anda hendaklah melaporkan apa yang anda saksikan dengan serta-merta. Apa yang rakan sekerja anda lakukan bukan sahaja berbahaya malah ia melanggar undang-undang. Bahan berbahaya dikawal selia dengan ketat dan mestilah dilupuskan dengan sewajarnya. Melakukan sebegitu meletakkan alam sekitar kita, persekitaran komuniti dan Syarikat kita — termasuk rakan sekerja kita — pada risiko.

Berkomunikasi dengan Audiens Luaran

Adalah mustahak kepada budaya dan operasi kita bahawa kita di **onsemi** bercakap dengan satu suara. Melakukan sebegitu memastikan komunikasi yang profesional dan konsisten di seluruh dunia. Atas sebab ini, hanya jurucakap yang dilantik diluluskan untuk merespons atau berkomunikasi dengan pihak luaran — iaitu anggota media, juruanalisis industri, juruanalisis kewangan dan pelabur. Dengan tersedianya jurucakap ini, kita mengelakkan daripada ucapan kita disalah anggap oleh wartawan atau anggota media lain atau oleh organisasi luaran lain.

Sekiranya anda menerima permintaan daripada pihak media untuk maklumat, untuk wawancara atau untuk mengarang atau untuk menulis artikel teknikal atau membentangkan kertas, anda hendaklah mengajukan permintaan anda kepada anggota pasukan Perhubungan Media, yang akan mengendalikan permintaan untuk menyediakan sokongan dan panduan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada laman Perhubungan Media kita.

Dengan cara yang serupa, permintaan daripada juruanalisis kewangan dan pemegang saham hendaklah diajukan kepada ketua Perhubungan Pelabur. Apabila tiba masa untuk komunikasi luaran, kita semua bertanggungjawab untuk mematuhi [Dasar Pendedahan](#) kita.

Kita diminta untuk bekerjasama dengan permintaan untuk maklumat daripada agensi dan pengawal atur kerajaan. Maklumat yang kita berikan kepada mereka mestilah benar dan tepat. Jangan sekali-kali mengubah suai atau memusnahkan dokumen atau rekod sebagai respons kepada penyiasatan atau permintaan lain yang sah di sisi undang-undang.

Anda juga hendaklah merujuk kepada CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang sebelum merespons kepada mana-mana permintaan yang bukan rutin. Sekiranya anda berasa ragu-ragu, minta bimbingan daripada salah satu sumber yang tersedia kepada anda.

S: *Saya pekerja **onsemi**. Pada waktu lapang saya, saya menyumbang kepada blog berkaitan industri, saya meramalkan dan membincangkan perubahan dalam pasaran serta kemajuan dalam penyelidikan dan pembangunan. Saya berhati-hati untuk tidak berkongsi mana-mana maklumat proprietari sulit **onsemi**, mendasarkan sumbangan saya atas maklumat maklumat yang tersedia untuk umum. Selepas satu pos baru-baru ini, saya telah dihubungi oleh seorang wartawan mengenai penglibatan **onsemi** dalam litigasi yang sedang berjalan. Secara kebetulan saya tahu bahawa dakwaan ini adalah palsu. Saya merespons kepada wartawan itu untuk memberitahunya tentang ini, dan juga untuk memberitahunya bahawa saya tidak menghargai yang dia menghubungi saya secara peribadi mengenai Syarikat saya. Adakah saya perlu memberitahu sesiapa tentang ini?*

J: Ya, anda perlu. Korespondens anda dengan wartawan tersebut tidak wajar. Sekiranya anggota pihak media menghubungi anda secara terus untuk bertanya soalan tentang **onsemi**, anda hendaklah tidak merespons. Anda hendaklah menerangkan keadaan yang membawa kepada wartawan ini menghubungi anda kepada jabatan Perhubungan Media (Komunikasi Luaran), supaya **onsemi** boleh memastikan anda bertindak mengikut Dasar Pendedahan kita dan dasar lain yang berkaitan. Merespons kepada wartawan ini tanpa diberikan kebenaran untuk melakukannya membolehkan kemungkinan salah maklumat. Apabila berasa ragu-ragu, bertanya sebelum bertindak. Juga, untuk maklumat tentang penggunaan media sosial yang sewajarnya, lihat bahagian “Penggunaan Media Sosial dan Internet” dalam *Kod ini*.



KERAJAAN

KERAJAAN

Kita mematuhi undang-undang negara di tempat kita beroperasi.

Undang-undang Antirasuah

Kita mestilah mematuhi semua undang-undang antirasuah di mana-mana sahaja kita menjalankan urusan perniagaan, tanpa pengecualian. Ini termasuklah Akta Amalan Rasuah Asing Amerika Syarikat (FCPA), yang diguna pakai ke atas perniagaan kita secara global, dan undang-undang antirasuah serupa lain yang diguna pakai di setiap negara di tempat kita menjalankan urusan perniagaan. Undang-undang antirasuah, secara umumnya, melarang tawaran atau pembayaran apa-apa yang bernilai — termasuk wang tunai, hadiah, perjalanan, makanan dan hiburan — kepada mana-mana pegawai kerajaan untuk mempengaruhi prestasi fungsi rasmi dan untuk mengekalkan atau mendapatkan urusan niaga. Pegawai atau pekerja kerajaan di mana-mana peringkat — termasuk pekerja kesatuan buruh, parti politik dan syarikat milik negara atau dikawal negara, serta calon-calon untuk pejabat awam — boleh dianggap sebagai “pegawai kerajaan.”

Kita mestilah memastikan bahawa pengedar, ejen, jururunding dan rakan niaga kita yang lain mengelakkan diri daripada terlibat dalam amalan rasuah bagi pihak kita. Kita tidak boleh membuat apa-apa pembayaran kepada rakan niaga, atau mana-mana pihak ketiga, sekiranya ia akan digunakan untuk pembayaran yang dilarang. Apabila kita berurusan dengan rakan niaga, kita melakukan yang terbaik untuk memastikan mereka mempamerkan tingkah laku beretika yang berstandard tinggi.

Kebanyakan undang-undang antirasuah juga mensyaratkan bahawa kita mengekalkan buku dan rekod yang tepat dan telus. Kita semua, tanpa mengira negara tempat kita bekerja, mestilah mematuhi syarat-syarat ini, walaupun amalan rasuah mungkin dijangkakan atau satu kebiasaan.

Sebagai peringatan, Syarikat kita melarang semua bentuk rasuah, bukan setakat rasuah yang melibatkan pegawai kerajaan sahaja. Lihat bahagian [“Jualan dan Pemasaran,”](#) [“Melakukan Urus Niaga Dengan Pihak Lain,”](#) [“Amalan Pembelian”](#) dan [“Hadiah dan Hiburan”](#) dalam Kod ini untuk maklumat lanjut.

S: *Pada masa ini saya sedang menyelia pasukan yang menaik taraf kemudahan pengilangan onsemi yang baharu. Penguatkuasaan undang-undang tempatan telah menghentikan pembinaan, dengan menyebut permit kerja yang telah tamat tempoh. Saya tidak merasakan dakwaan ini sah, tetapi ia satu-satunya perkara yang menghalang kita daripada meneruskan projek ini, oleh itu saya berusaha untuk memperbaharui. Ejen penguatkuasaan yang berurusan dengan saya telah meminta saya membayar mereka yuran untuk permit ini dikeluarkan semula. Apakah yang patut saya lakukan?*

J: Jangan bayar apa-apa wang kepada ejen sehingga anda telah bercakap dengan BEL, CCO atau Jabatan Undang-undang anda. Berkemungkinan besar anda diminta untuk membayar rasuah, yang dilarang oleh FCPA dan undang-undang antirasuah di kebanyakan negara tempat kita bekerja. Ejen penguatkuasaan undang-undang dianggap sebagai pegawai kerajaan, dan undang-undang yang mentadbir interaksi kita dengan mereka adalah sangat ketat. Membayar rasuah kepada mereka bukan sahaja tidak beretika — malah salah di sisi undang-undang. Dengan terus melaporkan insiden, anda boleh menerima panduan sewajarnya daripada Jabatan Undang-undang onsemi.

Merentas Sempadan Negara

Sebagai syarikat global, kita menghantar produk kita ke seluruh dunia. Apabila berurusan dalam mengimport atau mengeksport, kita mematuhi undang-undang, pengawalaturan dan sekatan yang diguna pakai di Amerika Syarikat dan undang-undang kebangsaan dan antarabangsa lain. “Eksport” berlaku apabila produk, perkhidmatan, teknologi atau sebahagian maklumat dihantar kepada warganegara negara lain — tanpa mengira lokasi mereka. Ia juga boleh berlaku apabila teknologi, maklumat teknikal atau perisian disediakan dengan apa-apa cara — termasuk secara lisan — kepada warganegara negara lain. Sebelum anda berurusan dengan mana-mana aktiviti eksport, tentu sahkan kelayakan lokasi dan penerima. Anda juga mestilah mendapatkan semua lesen dan permit yang diperlukan, serta membayar semua duti yang sewajarnya.

Selain itu, “mengimport” berlaku apabila kita membawa barangan atau perkhidmatan yang kita beli dari satu negara ke negara lain. Aktiviti ini juga tertakluk kepada pelbagai undang-undang dan pengawalaturan. Khususnya, mengimport mungkin memerlukan kita membayar duti dan cukai, atau mengemukakan fail tertentu.

Sekiranya anda mengembara secara antarabangsa atas urusan Syarikat, anda tertakluk kepada undang-undang yang mentadbir apa yang anda import dan eksport. Kita semua bertanggungjawab untuk mengetahui undang-undang yang tertakluk kepada kita. Sekiranya berasa ragu-ragu, semak dengan Pengurus Pematuhan Import/Eksport atau Jabatan Undang-undang untuk bimbingan.

S: *Saya menyiapkan penghantaran besar untuk dihantar ke negara lain. Sebelum penghantaran, pelanggan hubungan saya memberitahu saya bahawa, selepas menerima penghantaran daripada Syarikat kita, dia bertanggungjawab untuk menghantar produk tersebut ke tempat lain. Khususnya, dia akan mengeksport produk ke negara pelanggan, di negara yang secara kebetulan saya tahu telah disenarai hitam. Ini mengejutkan saya, tetapi saya tidak berkata apa-apa. Apatah lagi, memandangkan Syarikat kita tidak menghantar produk secara terus ke negara yang disenarai hitam, ia tidak menjejaskan kita. Adakah saya melakukan perkara yang betul?*

J: Tidak dalam kes ini. Apabila berurusan dalam aktiviti eksport, kita mempunyai tanggungjawab untuk mengetahui ke mana produk kita dihantar, dan kepada siapa ia dihantar. Memandangkan pelanggan telah memaklumkan kepada anda bahawa dia berniat untuk menghantar produk ini ke negara yang kita dilarang menjalankan urusan niaga, anda mempunyai pengetahuan tentang pengguna akhir. Mengetahui bahawa ini berlaku, dan tidak melaporkan situasi dengan serta-merta, berkemungkinan mendedahkan **onsemi** — walaupun kita tidak secara langsung mengeksport ke negara yang disenarai hitam.

Sekatan Ekonomi dan Boikot

Tidak kira di mana di dunia ini kita menjalankan urusan niaga, kita mempunyai tanggungjawab untuk mengikuti sekatan ekonomi dan perdagangan. Sekatan sedemikian secara tipikal digunakan oleh negara-negara untuk menyokong dasar luar dan keselamatan nasional. Sekiranya anda tidak pasti sama ada aktiviti dagangan anda mematuhi sekatan dan embargo perdagangan yang dikenakan, anda hendaklah merujuk kepada Pengurus Pematuhan Import/Eksport atau Jabatan Undang-undang untuk bimbingan.

Beberapa negara juga telah menguatkuasakan undang-undang yang melarang syarikat seperti **onsemi** daripada menyertai atau bekerjasama dengan boikot antarabangsa tanpa kebenaran. Adalah penting bahawa kita mematuhi semua undang-undang antiboikot yang diguna pakai ke atas kerja kita. Sekiranya anda menerima permintaan untuk memboikot individu atau negara, laporkan situasi kepada Pengurus Pematuhan Import/Eksport dengan serta-merta.

Pengubahan Wang Haram

Tanggungjawab kita untuk mematuhi semua undang-undang bermakna kita komited dengan usaha global melawan pengubahan wang haram. "Pengubahan wang haram" ialah proses orang atau kumpulan cuba untuk menutup dana haram, atau sebaliknya cuba untuk menjadikan sumber dana haram mereka kelihatan sah. Untuk mencegah pengubahan wang haram, adalah mustahak bagi kita untuk melaksanakan usaha wajar "kenali pelanggan anda" ke atas pelanggan, pembekal dan rakan niaga lain yang berhasrat untuk mengadakan urusan perniagaan dengan Syarikat kita.

Khususnya, sekiranya kerja anda melibatkan pemilihan atau pemerolehan daripada pihak ketiga, perhatikan tanda-tanda nyata yang mungkin bermakna aktiviti pengubahan wang haram. Sebagai contoh, pastikan bahawa pihak-pihak yang anda berurusan niaga dengan mereka dan pihak pengurusan mereka mengekalkan kehadiran fizikal, terlibat dengan perniagaan sah dan mempunyai proses pematuhan yang ditetapkan. Berwaspadalah dengan transaksi luar biasa (seperti pembayaran wang tunai berjumlah besar) dan laporkan mana-mana aktiviti mencurigakan kepada Jabatan Undang-undang atau CCO, atau VP, Etika dan CSR tanpa mencetuskan syak wasangka kepada pihak ketiga.



PERCANGGAHAN KEPENTINGAN



PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Kita membuat keputusan perniagaan berdasarkan kepentingan terbaik Syarikat kita.

Panduan Umum

Apabila tiba masa untuk membuat keputusan perniagaan, tindakan kita mestilah berdasarkan kepentingan terbaik Syarikat kita. Kita mestilah tidak membenarkan aktiviti, pelaburan atau perhubungan peribadi kita mengganggu dengan yang di **onsemi**. “Percanggahan kepentingan” mestilah dielakkan secara aktif untuk kita meneruskan kerja kita secara objektif.

Banyak jenis percanggahan boleh berlaku. Di bawah ialah beberapa contoh situasi percanggahan yang lebih biasa. Haruslah diingat bahawa, sementara bercanggah kepentingan tidak semestinya melanggar Kod kita, tidak mendedahkan percanggahan itu melanggar Kod kita. Atas sebab ini, anda disyaratkan untuk mendedahkan semua percanggahan kepentingan kepada pengurus, penyelia, BEL atau CCO anda.

Pekerjaan Luaran

Syarikat kita mengiktiraf bahawa, ada ketikanya, kita mencari pekerjaan luaran. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh bekerja atau menerima pembayaran daripada pesaing, pelanggan, pengedar atau pembekal **onsemi** tanpa kebenaran terlebih dahulu. Walaupun kelulusan diberikan, kita mestilah mengambil tindakan sewajarnya untuk memisahkan Syarikat dengan aktiviti bukan Syarikat. Mana-mana pekerjaan luaran yang anda laksanakan

mestilah tidak menghindar tanggungjawab anda di **onsemi**. Selain itu, anda hendaklah tidak sama sekali menggunakan harta atau masa Syarikat untuk mana-mana pekerjaan luaran. Sekiranya anda mempertimbangkan pekerjaan luaran dan tidak pasti sama ada ia memerlukan kelulusan, tanya pengurus, penyelia, BEL, Sumber Manusia, CCO atau VP, Etika dan CSR anda. Di negara-negara berkenaan, lihat juga Buku Panduan Pekerja untuk topik ini.

S: *Saya telah lama bekerja di **onsemi**. Saya mempertimbangkan untuk menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang saya telah peroleh melalui kerja saya di **onsemi** untuk menawarkan perkhidmatan tambahan kepada pelanggan sedia ada kita. Saya tidak akan menjalankan urus niaga peribadi saya dalam waktu kerja, dan tidak terfikir untuk menggunakan aset Syarikat kita untuk melanjutkan kepentingan saya. Bolehkah saya melakukan ini?*

J: Tidak. Memulakan perniagaan yang menawarkan perkhidmatan kepada pangkalan pelanggan sedia ada **onsemi** ialah percanggahan kepentingan. Menerima pembayaran daripada pelanggan mencetuskan isu kepada anda dan juga **onsemi** — terutamanya sekiranya perniagaan anda bersaing dengan perkhidmatan yang ditawarkan Syarikat kita. Harus diingatkan bahawa adalah tidak boleh diterima untuk melaksanakan kerja untuk mana-mana pihak ketiga yang Syarikat juga menjalankan urus niaga dengan mereka tanpa kelulusan terlebih dahulu. Juga harus diingatkan, dengan mendedahkan kemungkinan percanggahan sebelum bertindak, **onsemi** boleh membantu anda untuk membuat keputusan sebaik mungkin untuk semua yang terlibat.

Keanggotaan Lembaga Pengarah

Seperti juga pekerjaan luaran, adalah mustahak untuk mendedahkan mana-mana keanggotaan lembaga pengarah luaran. Sekiranya anda berkhidmat dalam lembaga pengarah atau badan serupa untuk syarikat luaran atau agensi kerajaan, anda mestilah mendapatkan kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada CCO, Jabatan

Undang-undang atau Ahli Lembaga Pengarah **onsemi**. Membantu komuniti dengan berkhidmat dalam lembaga pengarah organisasi bukan keuntungan atau komuniti adalah digalakkan, dan tidak memerlukan kelulusan terlebih dahulu. Lihat Prinsip Pentadbiran Korporat Syarikat untuk maklumat tambahan tentang topik ini.

Ahli Keluarga dan Perhubungan Peribadi Rapat

Percanggahan kepentingan juga boleh tercetus apabila kita bekerja dengan sanak saudara atau teman rapat kita. Khususnya, kita mestilah tidak berkongsi perhubungan melaporkan dengan sanak saudara. Berada dalam situasi yang kita bertanggungjawab untuk menilaikan, menggalakkan atau membuat keputusan pengambilan pekerja tentang sanak saudara atau teman rapat boleh mewujudkan penampilan pilih kasih atau layanan berat sebelah. Sekiranya situasi seperti itu berlaku, dedahkannya kepada pengurus atau penyelia anda dengan serta-merta. Supaya jelas, "sanak saudara" termasuklah pasangan kelamin, anak-anak, ibu bapa, ibu bapa tiri, adik beradik, mertua, bapa saudara, ibu saudara, anak saudara dan pasangan kelamin kepada mana-mana yang di atas. Sanak saudara juga termasuk individu dalam perhubungan romantik, berpacaran atau perhubungan intim atau komited yang lain; atau individu yang berkongsi susun atur kehidupan signifikan atau perhubungan kewangan atau perniagaan yang boleh mempengaruhi layanan berat sebelah di tempat kerja. Untuk maklumat lanjut tentang bekerja dengan sanak saudara, lihat [Dasar Pengambilan Kerja Sanak Saudara](#) kita.

Selain itu kita mestilah tidak menggunakan pengaruh peribadi untuk mendapatkan Syarikat kita mengadakan urusan niaga dengan syarikat yang ahli keluarga atau rakan yang kita mungkin mempunyai kepentingan. Sekiranya anda mempunyai sanak saudara atau teman rapat yang bekerja dengan syarikat yang mengurus niaga dengan **onsemi**, anda hendaklah memberitahu pengurus atau penyelia anda dengan serta-merta. Pastikan untuk membincangkan apa-apa kesukaran yang mungkin timbul, dan ambil langkah sewajarnya untuk meminimumkan percanggahan kepentingan.

Selanjutnya, perhubungan dengan bakal pembekal, kontraktor, pelanggan, pesaing atau pengawal atur atau yang sedia ada mestilah tidak menjejaskan pertimbangan bebas dan wajar kita bagi pihak Syarikat kita. Ingat, perkara paling mustahak adalah untuk mengelakkan penampilan yang kelihatan berat sebelah. Sekiranya timbul situasi sedemikian, dedahkannya fakta itu kepada pengurus atau penyelia anda dengan serta-merta.

Pinjaman Kepada Pekerja dan Pengarah

Percanggahan juga boleh timbul apabila pekerja atau pengarah, atau anggota keluarga individu tersebut, menerima manfaat peribadi yang tidak wajar disebabkan jawatan yang mereka pegang di **onsemi**. Apabila kita membuat pinjaman dengan rakan sekerja lain atau menjamin obligasi orang lain atas sebab-sebab peribadi, ia juga boleh

mewujudkan percanggahan kepentingan. Malah, kebanyakan pinjaman yang dibuat kepada pengarah dan pegawai adalah dilarang oleh undang-undang. Sebelum menerima pinjaman atau jaminan sedemikian, dapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-undang.

Pelaburan

Ada kalanya, pelaburan peribadi kita mungkin mengesankan atau kelihatan menjejaskan keupayaan kita untuk membuat keputusan perniagaan yang tidak berat sebelah bagi pihak Syarikat kita. Ia berkemungkinan besar akan mewujudkan penampilan percanggahan sekiranya kita mempunyai pelaburan dengan pesaing, pembekal, pengedar atau pihak sedemikian yang **onsemi** menjalankan urusan niaga dengan

mereka. Pelaburan kita di dalam syarikat sedemikian mestilah tidak ketara sehingga ia boleh mempengaruhi — atau kelihatan mempengaruhi — pertimbangan kita ke atas isu-isu Syarikat. Sekiranya terdapat keraguan tentang bagaimana sesuatu pelaburan mungkin boleh dianggap, ia hendaklah didedahkan kepada pengurus, penyelia atau BEL anda, dibincangkan dengan CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang.

Peluang Korporat

Sepanjang kerja kita di **onsemi**, kita mungkin bertembung dengan maklumat mengenai peluang perniagaan yang Syarikat anda mungkin berminat. Kita mestilah tidak berusaha untuk merebut peluang seumpama itu untuk manfaat peribadi kita. Melakukan sebegitu boleh mewujudkan percanggahan yang serius. Sama seperti kita tidak

boleh mengambil peluang untuk diri kita sendiri, kita juga tidak boleh mengarahkan orang lain untuk melakukan bagi pihak kita. Selain itu, kita tidak, secara langsung atau tidak langsung, membeli atau memperoleh hak untuk mana-mana harta atau bahan sekiranya kita tahu bahawa Syarikat kita mungkin berminat dalam mencari peluang seumpama itu.

Hadiah dan Hiburan

Bertukar-tukar hadiah dan hiburan merupakan amalan biasa di banyak lokasi tempat kita bekerja. Pertukaran yang wajar untuk tujuan perniagaan boleh menerapkan rasa muhibah antara Syarikat kita dengan syarikat atau individu lain yang kita mempunyai urusan perniagaan dengan mereka. Hadiah tidak semestinya berbentuk objek fizikal. Ia boleh jadi perkhidmatan, bantuan atau item bernilai yang lain. Hiburan boleh jadi makanan, acara sukan atau bersiar-siar lain yang termasuk wakil kedua-dua **onsemi** dan pihak yang satu lagi. Harap diingat bahawa apa-apa hadiah atau hiburan mestilah tidak diminta dan mestilah mematuhi semua dasar perniagaan kedua-dua penyedia dan penerima.

Hadiah dan Hiburan Yang Diterima Oleh Pekerja dan Pengarah **onsemi**

Apabila bekerja dalam kapasiti kita sebagai pekerja atau pengarah **onsemi**, kita tidak boleh menerima hadiah yang nilainya terlalu berlebih-lebih. Sekiranya anda ditawarkan atau menerima hadiah yang nilainya ketara, anda hendaklah berbincang dengan pengurus, penyelia, BEL, CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang anda. Di mana mungkin, dapatkan kelulusan terlebih dahulu untuk hadiah sedemikian. Selain itu, kita tidak menerima rasuah, suapan mahupun bayaran. Menerima pembayaran tidak wajar daripada pihak lain adalah salah di sisi undang-undang dan tidak beretika.

Kita juga tidak menerima hiburan yang nilainya terlalu berlebih-lebih. Dalam kebanyakan kes, kita boleh menerima hiburan yang munasabah, sudah menjadi kebiasaan dan tidak kerap dalam konteks perniagaan. Ini termasuklah menemani rakan perniagaan ke acara kebudayaan atau sukan, atau hidangan perniagaan. Bercakaplah dengan pengurus, penyelia, BEL, CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang anda sebelum menerima sebarang hiburan yang mungkin menjejaskan atau kelihatan menjejaskan pertimbangan bebas kita.

Sekiranya menerima hiburan mungkin kelihatan mempengaruhi pertimbangan bebas anda bagi pihak **onsemi** atau mungkin sebaliknya kelihatan tidak wajar, tolak tawaran, bayar sendiri nilai sebenar hiburan tersebut atau bincangkan situasi dengan pengurus, penyelia, BEL, CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang anda.

Dalam sesetengah situasi yang jarang berlaku, adalah tidak praktikal atau memudaratkan untuk menolak hiburan atau memulangkan hadiah. Apabila ini berlaku, bincangkan situasi dengan pengurus, penyelia, BEL, CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang anda. Mereka boleh membantu anda menentukan langkah tindakan terbaik untuk melindungi anda dan **onsemi**, serta perhubungan perniagaan.

S: *Beberapa pembekal berpotensi telah mengemukakan cadangan kepada Syarikat kita dan saya memainkan peranan signifikan dalam proses pemilihan. Salah satu pembekal berpotensi ini menghantar tiket ke acara sukan tempatan kepada saya dengan kad yang menunjukkan pembekal "menanti-nantikan urusan perniagaan pada masa depan". Saya ingin membawa keluarga saya ke acara ini dan saya tidak merasakan hadiah itu membuatkan saya berat sebelah dalam apa-apa cara pun. Bolehkah saya menerima tiket itu?*

J: Berkemungkinan besar tidak. Anda hendaklah melaporkan hadiah kepada pengurus, penyelia atau BEL anda dengan serta-merta untuk menentukan laluan tindakan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, haruslah diingat bahawa undang-undang antirasuah diguna pakai walaupun untuk penampilan berat sebelah. Oleh itu, sekiranya anda menerima hadiah dan pembekal ini akhirnya diberikan kontrak, ia boleh kelihatan seolah-olah anda menerima rasuah. Satu lagi faktor untuk dipertimbangkan adalah bahawa pembekal tidak akan menghadiri acara dengan anda. Ini dengan serta-merta menafikan kemungkinan acara mempunyai tujuan perniagaan.

Hadiah dan Hiburan Yang Diberikan Oleh Atau Disediakan Oleh onsemi

Sesetengah situasi perniagaan memerlukan untuk hadiah diberikan. Apa-apa hadiah yang kita tawarkan mestilah sah, munasabah dan diluluskan terlebih dahulu oleh pengurus atau penyelia. Sama seperti kita tidak sekali-kali menerima rasuah, kita juga mestilah tidak sama sekali membayarnya.

Kita boleh memberikan hiburan yang munasabah, sudah menjadi kebiasaan dan tidak kerap dalam konteks perniagaan. Sekiranya anda mempunyai kebimbangan tentang sama ada memberikan hiburan adalah wajar, bincangkannya dengan pengurus, penyelia, BEL, CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang anda terlebih dahulu.

Adalah mustahak untuk memahami bahawa amalan pemberian hadiah dan hiburan berbeza-

beza mengikut budaya. Dasar dan garis panduan pemberian hadiah dan hiburan kita menangani perkara ini. Tanya pengurus, penyelia, atau BEL anda sekiranya ada di wilayah anda.

Kita tidak memberikan bentuk hiburan yang menyalahi undang-undang, kita juga tidak menawarkan hiburan yang melanggar dasar kerajaan atau organisasi penerima. Pekerja kebanyakan entiti kerajaan di seluruh dunia dilarang daripada menerima hadiah atau hiburan. Atas sebab ini, anda hendaklah mendapatkan kelulusan daripada pengurus atau penyelia anda sebelum menghiburkan pegawai kerajaan atau sebelum hadiah ditawarkan kepada mana-mana pihak ketiga, termasuk pegawai kerajaan. Untuk hadiah atau hiburan yang di atas nilai nominal, dapatkan kelulusan daripada BEL, CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang anda. Lihat [Dasar Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti](#) kita untuk maklumat tambahan.

S: *Saya menghantar bakul hadiah perayaan kepada beberapa pelanggan yang dihargai pada musim ini, sebagai cara mengucapkan terima kasih atas perniagaan mereka. Bakul itu sederhana sahaja nilainya, dan saya ingin menyertakan kad hadiah serba guna, antara lainnya. Salah satu pelanggan kita mempunyai dasar ketat terhadap penerimaan hadiah, tetapi saya tidak mahu melayani pelanggan ini secara tidak adil. Apakah yang patut saya lakukan?*

J: Adalah menjadi dasar **onsemi** untuk tidak memberikan hadiah atau wang tunai atau yang setara dengan wang tunai seperti kad hadiah, oleh memasukkan kad hadiah serba guna adalah tidak wajar. Malah, satu-satunya pengecualian kepada dasar ini adalah dalam kes perkahwinan atau pengebumian di lokasi yang adat tempatan menghendaki pemberian wang tunai. Dalam kes ini, kita disyaratkan untuk meminta pelepasan kepada larangan pemberian hadiah wang tunai. Lihat bahagian "[Pelepasan Kepada Tatakelakuan Perniagaan](#)" di akhir Kod ini untuk butiran lebih terperinci. Walaupun dalam kes yang hadiah sebaliknya dibenarkan di bawah dasar Syarikat **onsemi**, **onsemi** menghormati dasar organisasi pihak penerima hadiah. Ini bermakna anda hendaklah menahan diri daripada menghantar bakul hadiah kepada pelanggan dengan dasar sedemikian dan sebaliknya bercakap dengan pengurus, penyelia atau BEL anda tentang alternatif yang boleh diterima. Lihat [Dasar Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti](#) kita untuk maklumat lanjut.

Perjalanan

Penerimaan Perbelanjaan Perjalanan

Kita boleh secara umumnya menerima kos pengangkutan dan penginapan yang disediakan oleh pembekal atau pihak ketiga lain, asalkan perjalanan adalah untuk tujuan perniagaan yang sah, dan tidak menjejaskan atau kelihatan menjejaskan pertimbangan bebas kita. Peruntukan pengangkutan dan penginapan sedemikian mestilah juga diluluskan terlebih dahulu oleh pengurus atau penyelia anda. Semua kos perjalanan yang diterima mestilah direkodkan dengan tepat dalam rekod perbelanjaan perjalanan anda.

Menyediakan Perjalanan

Melainkan dilarang oleh undang-undang atau dasar

organisasi penerima, Syarikat kita boleh membayar perbelanjaan pengangkutan dan penginapan yang dikenakan kepada pelanggan, ejen atau pembekal berkaitan dengan lawatan ke kemudahan atau pemasangan produk **onsemi**. Walau bagaimanapun, lawatan mestilah untuk tujuan perniagaan. Contoh termasuklah lawatan tapak untuk memeriksa peralatan, atau menyertai latihan.

Khususnya, rekod mestilah disimpan untuk perjalanan oleh pegawai kerajaan yang ditaja atau dibayar oleh Syarikat kita. Mana-mana penajaan sedemikian mestilah diluluskan terlebih dahulu oleh CCO, VP, Etika dan CSR atau Jabatan Undang-undang dan Naib Presiden Kanan atau yang lebih tinggi di **onsemi**.

Pelepasan Tatakelakuan Perniagaan

Pelepasan diberikan hanya dalam keadaan yang jarang berlaku dan selepas pertimbangan teliti. Sekiranya anda mempercayai bahawa pengecualian kepada mana-mana garis panduan yang ditetapkan dalam Kod ini seharusnya dipertimbangkan, hubungi penyelia anda. Sekiranya penyelia anda bersetuju bahawa pengecualian seharusnya dipertimbangkan, dia boleh mendapatkan nasihat daripada BEL, dalam perundingan dengan CCO, VP, Etika dan CSR dan Lembaga Pengarah, sekiranya perlu. Pelepasan

diberikan kepada ketua pegawai eksekutif, pegawai ketua pegawai kewangan, ketua pegawai perakaunan atau pengawal, orang yang melaksanakan fungsi serupa atau mana-mana pegawai eksekutif **onsemi**, dan pelepasan diberikan kepada pengarah-pengarahnya, hanya akan diberikan oleh Lembaga Pengarah. Pelepasan sedemikian akan didedahkan kepada pihak awam dan apabila diperlukan oleh undang-undang dan peraturan Suruhanjaya Sekuriti dan Tukaran Saham dan NASDAQ.

Interpretasi

CCO, VP, Etika dan CSR telah dilantik oleh Ahli Lembaga Pengarah sebagai orang yang bertanggungjawab secara mutlak kerana menginterpretasikan dan mengguna pakai garis panduan dalam Kod ini terhadap situasi tertentu yang mungkin timbul kemusykilan daripadanya. Sebagai pekerja **onsemi**, anda hendaklah

menghubungi BEL khusus anda dalam organisasi untuk mengutarakan mana-mana isu pematuhan dan etika berkaitan dengan Kod. Anda juga boleh menelefon Talian Bantuan Pematuhan dan Etika secara awanama (lihat bahagian "[Melaporkan Kebimbangan](#)" di permulaan Kod) atau hubungi CCO atau VP, Etika dan CSR secara langsung.

onsemi Borang Perakuan Pekerja dan Pengarah Tatakelakuan Perniagaan

Saya telah membaca Tatakelakuan Perniagaan dan mengakui bahawa:

- Saya memahami Tatakelakuan Perniagaan
- Mengikut pengetahuan terbaik saya, saya berada dalam pematuhan Tatakelakuan Perniagaan
- Saya akan terus mematuhi syarat Tatakelakuan Perniagaan dan syarat mana-mana kajian semula yang dibuat ke atasnya
- Semua percanggahan kepentingan telah didedahkan kepada pengurus, penyelia, BEL, atau kepada Sumber Manusia, Ketua Pegawai Pematuhan atau VP, Etika dan CSR (lihat bahagian "[Percanggahan Kepentingan](#)" Tatakelakuan Perniagaan untuk maklumat lanjut)

Saya memahami bahawa, tertakluk kepada undang-undang dan pengawalaturan tempatan, kegagalan saya untuk menandatangani Borang Perakuan ini atau untuk mematuhi syarat Tatakelakuan Perniagaan akan mengakibatkan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemberhentian. Saya juga memahami bahawa saya akan diminta untuk membaca dan memperakui pematuhan saya dengan Tatakelakuan Perniagaan setiap tahun.

Nama (dicetak)

Tandatangan

ID Pekerja atau Dagangan

Tarikh

MESEJ DARIPADA CEO KITA

onsemi mendorong inovasi tanpa gangguan untuk membantu membina masa depan yang lebih baik dan lebih lestari. Walaupun ini merupakan satu pernyataan yang besar dan mestilah kekal sebagai tenet utama dalam kehidupan kita sehari-hari, adalah kritikal bahawa kita kekal bersungguh-sungguh dan menghargai asas etika kita. Industri semikonduktor dan pasaran aplikasi sasaran kita adalah sangat kompetitif. Sama ada anda seorang pekerja baharu atau telah bertahun-tahun menjadi sebahagian daripada pasukan **onsemi**, adalah mustahak untuk sering merenung kembali siapa kita dan cara kita bertingkah laku dalam menjalankan urusan perniagaan. Kita mestilah tidak lupa siapa kita dan apa yang kita pertahankan.

Kita ialah **onsemi**; satu pasukan individu berbakat yang menghidupkan nilai-nilai teras kita iaitu rasa hormat, integriti dan inisiatif. Ia bukan sekadar kata-kata, tetapi corak pemikiran yang mengalir melalui setiap interaksi atau keputusan yang kita buat bagi pihak syarikat kita.

Tatakelakuan Perniagaan ("Kod") kita menggariskan dengan meluas prinsip tatakelakuan perniagaan yang sah dan beretika yang didukung oleh syarikat kita. Kod ini juga menyediakan maklumat terperinci dan sumber untuk membantu anda sekiranya anda berhadapan dengan isu atau kebimbangan tentang etika. Di **onsemi**, kita mengambil Kod kita secara serius dan menjangkakan pasukan kita di seluruh dunia untuk mendukung prinsip-prinsip ini. Kita akan berusaha sepenuhnya untuk melindungi kerahsiaan setiap anggota yang melaporkan kebimbangan secara awanama menggunakan Talian Bantuan Etika kita. Kita tidak akan bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap mana-mana pekerja, yang dengan niat baik, mendapatkan bimbingan atau mengutarakan kebimbangan.

Kod kita merangkumi garis panduan etika dan undang-undang untuk diguna pakai oleh kita semua dalam urusan perniagaan kita sehari-hari, serta aktiviti peribadi yang berkaitan dengan syarikat kita. Walaupun ia tidak meliputi semua situasi undang-undang atau etika yang kita mungkin hadapi, ia meringkaskan banyak antara undang-undang yang kita mesti tahu dan ikuti di lokasi kita menjalankan perniagaan. Kita menggalakkan anda untuk melaporkan sebarang dan semua kebimbangan mengenai kegagalan untuk mematuhi undang-undang tersebut kepada ketua pegawai pematuhan atau mana-mana anggota jabatan undang-undang. Dengan memperakui Kod kita setiap tahun, kita semua bersetuju untuk mengikuti standard etika tinggi yang sama seperti rakan sekerja kita.

Kita semua berbangga dengan syarikat, produk, reputasi dan iltizam kita dalam menjalankan perniagaan dengan jujur dan berintegriti. Sila sertai saya dan ahli lembaga pengarah kita dalam iltizam yang diperbaharui terhadap Kod kita tahun ini.

Saya dahulukan dengan ucapan terima kasih kerana meluangkan masa untuk meneliti Kod kita dan untuk menghidupkannya setiap hari sebagai pekerja **onsemi**.

Hassane El-Khoury

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

ADENDUM

NEGARA	NOMBOR TALIAN BANTUAN	PADA ARAHAN DALAM BAHASA INGGERIS, DAIL
Australia	1-800-94-8150	
Belgium	0-800-748-19	
Kanada	1-844-935-0213	
China	400-120-0176	
Republik Czech	800-142-490	
Finland	0800-41-3682	
Jerman	0-800-0010086	
Hong Kong	800-964-146	
India	000-800-9191055	
Ireland	1-800-851-150	
Israel	1-809-477-265	
Itali	800-761697	
Jepun	0800-123-2333	
Korea	00798-11-003-9294	
Malaysia	1-800-81-9976	
Belanda	0800-0224703	
Filipina (Alabang, Carmona, Cebu)	<ul style="list-style-type: none"> Talian tetap atau Mudah Alih dengan penyedia Smart, Digitel/ Sun: 1800-1322-0333 Mudah alih dengan Penyedia Globe: 105-11, pada arahan bahasa Inggeris, dail 844-935-0213 Talian tetap kilang: 4567 	
Filipina (Tarlac)	<ul style="list-style-type: none"> Talian tetap atau Mudah Alih dengan penyedia Smart, Digitel/ Sun: 1800-1322-0333 Mudah alih dengan Penyedia Globe: 105-11, pada arahan bahasa Inggeris, dail 844-935-0213 Talian tetap kilang: **123 	
Romania	0800-890-295	
Rusia	8-800-301-83-98	
Singapura	800-492-2389	
Slovakia	0800-002-591	
Slovenia	080-688802	
Sepanyol	900-999-372	
Sweden	020-88-15-32	
Switzerland	0800-000-092	
Taiwan	00801-49-1584	
Thailand	18-0001-4543	
Turki	0800-621-2119	
United Kingdom	0800-098-8332	
Amerika Syarikat	1-844-935-0213	
Vietnam (VNPT)	1-201-0288	844-935-0213
Vietnam (Viettel)	1-228-0288	844-935-0213
Vietnam (Viettel)	1-228-0288	844-935-0213

2021 | **WORLD'S MOST** TM
ETHICAL
COMPANIES®
WWW.ETHISPHERE.COM
6-TIME HONOREE

www.onsemi.com

onsemi TM